



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 3 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

3/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	WANITA MAUT DITIKAM TAK SEMPAT PAKAI BAJU PUTIH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/02/wanita-maut-ditikam-tak-sempat-pakai-baju-putih/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/266138/berita/semasa/peniaga-maut-disyaki-ditikam-bekas-suami	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/983419/wanita-maut-dipercayai-ditikam-bekas-suami	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1121351/wanita-maut-dipercayai-ditikam-bekas-suami	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-anak-tiga-maut-ditikam-bekas-suami-426326	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=aDvK0JxVaPo	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=ziDudSmTUsY	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=Af_RNorR-so	YOUTUBE
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-ditemukan-maut-dipercayai-ditikam-bekas-suami-HG11174300	THESUNDAILY.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/02/wanita-maut-disyaki-ditikam-bekas-suami/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	BERANG DENGAN ISTERI TAPI TUMBUK, TAMPAR ANAK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/02/berang-dengan-isteri-tapi-tumbuk-tampar-anak/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/02/bapa-tampar-anak-direman-tujuh-hari/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983483/marahkan-isteri-belasah-anak	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1121420/marahkan-isteri-anak-yang-kena-tumbuk-tampar	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	POLIS DIGESA SIASAT PENJUAL, PEMBELI PATUNG SEKS BERUPA KANAK-KANAK	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/02/polis-digesasiasat-penjual-pembeli-patung-seks-berupa-kanak-kanak/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=X3tlCQke7VA	YOUTUBE
	https://www.malysiakini.com/news/670593	MALYSIAKINI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/983465/shopee-sekat-penjual-jual-patung-seks-berbentuk-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/02/patung-seks-lenyap-dalam-platform-e-dagang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	HILANG 3 HARI, AMRULLAH DAN NAJMI DITEMUKAN LEMAS	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/983381/hilang-3-hari-amrullah-dan-najmi-ditemukan-lemas	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/02/mayat-budak-bapa-saudara-ditemui-lepas-38-jam-hilang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KPWK KOMITED REALISASI SARAWAK KE ARAH 'BANDAR MESRA KANAK-KANAK'	
	https://tvstv.my/2023/07/02/kpwk-komited-realisation-sarawak-ke-arah-bandar-mesra-kanak-kanak/	TVSTV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	BANTERAS KEMISKINAN HAID PERLU PENGLIBATAN SEMUA	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/02/banteras-kemiskinan-haid-perlu-penglibatan-semua/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SALAH TEMPAT JADI HERO	
	https://suarasarawak.my/salah-tempat-jadi-hero/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	SCHOOL BULLYING VICTIMS CAN GET IMMEDIATE HELP VIA MINISTRY HOTLINE: NANCY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/95622/school-bullying-victims-can-get-immediate-help-via-ministry-hotline-nancy	THEVIBES.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	YADIM JOHOR SANTUNI GELANDANGAN SEMPENA AIDILADHA	
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/66521-yadim-johor-santuni-gelandangan-sempena-aidiladha	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	LEBIH RM100,000 SUMBANGAN IBADAH KORBAN DI SANTUBONG TVS	
	https://www.youtube.com/watch?v=q6h54xXMK-g	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	DUA MAUT MANGSA KEPALA AIR DI KEMAMAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-maut-mangsa-kepala-air-di-kemaman-426379	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	SUAMI 'SONDOL' ISTERI ORANG, WANITA LEMBAH KLANG PALING RAMAI CURANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/02/suami-sondol-isteri-orang-wanita-lembah-klang-paling-ramai-curang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	BERI KESEDARAN AWAL KEPADA KANAK-KANAK BAHAYA PENYALAHGUNAAN DADAH	
	https://suarasarawak.my/beri-kesedaran-awal-kepada-kanak-kanak-bahaya-penyalahgunaan-dadah/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	IBU BAPA WAJIB AMBIL BERAT KESELAMATAN ANAK-ANAK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/02/ibu-bapa-wajib-ambil-berat-keselamatan-anak-anak	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	MYCRS, 1 KELUARGA 1 KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	
	https://sarawakvoice.com/mycrs-1-keluarga-1-kerusi-keselamatan-kanak-kanak/	SARAWAKVOICE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	36 PENGUNJUNG TERMASUK WARGA EMAS, OKU TERPERANGKAP DI MENARA TAMING SARI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/07/36-pengunjung-termasuk-warga-emas-oku-terperangkap-di-menara-taming-sari/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	[VIDEO] KELUARGA OKU CEMAS, TERPERANGKAP DALAM LIF	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/02/video-keluarga-oku-cemas-terperangkap-dalam-lif/	KOSMO.COM.MY



TAJUK : 2 MAUT, 8 MASIH HILANG TRAGEDI KEPALA AIR

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

2 maut, 8 masih hilang tragedi kepala air

Kemaman: Dua ditemui maut, manakala lapan lagi masih hilang selepas tragedi kepala air melanda kawasan perkelahan di Kampung Air Puteh, di sini, semalam.


Dua mangsa yang maut disahkan seorang wanita berusia lingkungan 40-an dan lelaki berusia 20-an.

Berdasarkan maklumat, mayat wanita terbabit ditemui kira-kira jam 12.45 tengah hari, disusuli penemuan mayat kedua pada jam 5 petang.

Sehingga kini, usaha untuk mengesan lapan lagi yang dikhuatiri hilang sedang dijalankan.

Berdasarkan sumber semua mangsa tragedi kepala air ini berusia antara empat hingga 40 tahun dikatakan membabitkan sebuah keluarga.

Mereka dikatakan memasuki kawasan terbabit untuk berkelah kira-kira jam 5 petang semalam.



TAJUK : 40 PROJEK RUMAH TERBENGKALAI DALAM PROSES DISELAMATKAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 08

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

40 projek rumah terbengkalai dalam proses diselamatkan

Putrajaya: Lebih 40 daripada 112 projek perumahan terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh negara kini dalam proses diselamatkan melalui pelbagai inisiatif Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Daripada 112 projek terbengkalai dikenal pasti setakat April lalu, 105 adalah projek yang bermula sebelum 2015 dan bakinya selepas itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, berkata pihaknya berbincang dengan pemaju lain untuk menyelamatkan projek perumahan

terbengkalai atau melalui likuidasi.

“Lebih kurang 40 projek terbengkalai itu dalam proses untuk diselamatkan, sama ada berbincang dengan pemaju penyelamat, likuidasi atau sebagainya,” katanya selepas program Ibadah Korban KPKT bersama warga bomba di Balai Bomba dan Penyelamat Presint 14, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPKT, Datuk M Noor Azman Taib dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Abdul Wahab Mat Yasin.



Akmal Nasrullah (kiri) bersama M Noor Azman pada program Ibadah Korban KPKT bersama warga bomba di Balai Bomba dan Penyelamat Presint 14, semalam.

(Foto Samadi Ahmad/BH)

Beliau menjelaskan, projek perumahan dikategorikan terbengkalai selepas menepati kriteria ditetapkan dalam Akta 118 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966, termasuk apabila tidak ada kerja dilakukan di kawasan projek selama enam bulan.

“Menteri perlu mengesahkan status projek itu terbengkalai apabila tidak ada lagi kerja di tapak projek dengan mengambil kira pemaju tidak lagi berminat untuk menyiapkan projek terbit. Apabila diisytihar terbengkalai, barulah kaedah lain boleh diambil kira.

“Jika syarikat asal telah gulung tikar, maka proses likuidasi akan diadakan. Selain itu, ada proses lantikan pemaju penyelamat atau mungkin diadakan perbincangan dengan pembeli bagaimana hendak menyelesaikan projek berkenaan,” katanya.



TAJUK : PENJUAL AIR BALANG MAUT DISYAKI DITIKAM BEKAS SUAMI

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Penjual air balang maut disyaki ditikam bekas suami

Suspek parah di perut dikejar ke hospital untuk rawatan

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Seorang wanita yang juga peniaga air maut dipercayai ditikam bekas suaminya di Taman Desa, Pasir Tumboh, di sini, kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 4 pagi itu, mangsa yang berusia lingkungan 30-an, meninggal dunia di lokasi kejadian akibat cedera parah.

Bekas suami mangsa turut cedera parah di perut dan dikejarkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini, untuk rawatan lanjut.

Seorang saksi yang enggan dikenali berusia 30-an, berkata dia menyedari kejadian itu selepas dihubungi rakannya memaklumkan insiden berkenaan.

Katanya, dia bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati ambulans dan kereta polis sudah berada di hadapan rumah mangsa.

"Saya terkejut dengan kejadian itu kerana mendapati seorang wanita maut dipercayai ditikam bekas suaminya, manakala seorang lelaki cedera parah," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, di sini, semalam.

Difahamkan mangsa yang berpisah dengan suaminya menyewa di rumah itu sejak beberapa bulan lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun ketika dihubungi mengesahkan meneri-



Lokasi seorang wanita yang juga peniaga air maut dipercayai ditikam di Taman Desa, Pasir Tumboh, Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

ma laporan berhubung kejadian itu.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Baru menyewa dua bulan

Sementara itu, jiran menyifatkan mangsa seorang yang peramah, namun tidak mengenali secara dekat berikutan wanita itu baru menyewa selama dua bulan di perumahan Taman Desa Darulnaim, Pasir Tumboh, di sini.

Jiran yang hanya mahu dikenali sebagai Aimi, 40, berkata mangsa baru dua bulan menyewa di kawasan perumahan berkenaan bersama anak saudara perempuan.

"Mangsa seorang yang peramah, sering menegur jika saya melalui hadapan rumah sewanya, namun tidak sempat berkenalan dengannya berikutan wanita itu menjual air balang




Kakak mangsa bersama ibunya, Ramlah Mamat ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

dari pagi hingga petang dan saya juga bekerja dengan orang," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Aimi berkata, sebelum kejadian, dia dan beberapa jiran ada

terdengar bunyi muzik yang kuat datang dari rumah itu.

"Saya tidak sangka kejadian itu berlaku di sini selepas tinggal sejak 19 tahun yang lalu," katanya.



TAJUK : SKSSR PASTIKAN KESEJAHTERAAN SURI RUMAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SKSSR pastikan kesejahteraan suri rumah

Saya masih ingat artikel saya pada awal tahun ini yang menekankan kepentingan perlindungan sosial untuk wanita serta kaedah mengurangkan ketidak-samaan dalam penggunaan masa bagi urusan rumah tangga antara lelaki dan wanita.

Walaupun banyak masa dan tenaga dicurahkan wanita dalam menguruskan keluarga, terdapat juga tanggapan mengelirukan bahawa kerja penjagaan ini mempunyai nilai ekonomi yang terhad.

Malah, pada peringkat global, menurut laporan Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) ke-111 yang disediakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), baru-baru ini, pekerja domestik dan suri rumah telah diiktiraf sebagai kumpulan berisiko tinggi yang dipinggirkan tanpa mendapat perlindungan sewajarnya.

Oleh itu, saya percaya kita memerlukan anjakan minda apabila berfikir mengenai nilai serta risiko dalam pengurusan rumah tangga dan pekerjaan domestik.

Golongan suri rumah turut terdedah pelbagai risiko seperti bencana domestik dan keilatan.

Jadi, mereka juga mesti diberikan perlindungan keselamatan sosial yang menyeluruh sekira-

nya berlaku kemalangan.

Kes kemalangan di rumah yang tidak dijangka sudah menjadi kebiasaan. Contohnya, kejadian yang menimpa seorang ibu tunggal di Georgetown, Pulau Pinang, di mana silinder gas memasak di rumahnya meletup akibat kebocoran.

Beliau mengalami kecederaan melecur hampir di seluruh badan dan disahkan meninggal dunia dua hari selepas kejadian itu.

Malangnya, beliau tidak dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO.

Setakat ini, PERKESO telah merekodkan 115 kematian suri rumah berdaftar, di mana keluarga mereka telah menerima faedah PERKESO, termasuk Faedah Pengurusan Mayat dan Pencen Penakat.

Seterusnya mari kita buat perbandingan untuk memahami kekerapan kemalangan berkaitan aktiviti pengurusan rumah tangga.

Pada 2022, terdapat lebih daripada 7,300 kemalangan dilaporkan kepada PERKESO melibatkan pekerja domestik yang menguruskan rumah tangga seperti kerja pembersihan, memasak, penjagaan, memandu dan banyak lagi.

Walau bagaimanapun, sejak penubuhan SKSSR oleh PERKE-



Saya percaya kita memerlukan anjakan minda apabila berfikir mengenai nilai serta risiko dalam pengurusan rumah tangga dan pekerjaan domestik

Dr Mohammed Azman Aziz,
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan PERKESO

SO, hanya 26 kes bencana domestik membabitkan suri rumah dilaporkan.

Statistik itu menunjukkan, kurangnya laporan kemalangan walaupun suri rumah menguruskan kerja yang sama seperti pekerja domestik.

Selain itu, norma baharu di tempat kerja termasuklah peraturan 'bekerja dari rumah' telah meletakkan wanita yang dalam pekerjaan formal di bawah tekanan lebih tinggi kerana perbezaan tidak ketara antara waktu pejabat dan masa untuk menjalankan tanggungjawab rumah tangga.

Peningkatan pelaksanaan berbilang tugas (*multitasking*), tekanan, gangguan dan keletihan

adalah faktor yang boleh menyumbang kepada potensi kemalangan dan bahaya apabila melakukan tugas-tugas domestik.

Realitinya lebih menyedihkan bagi golongan isi rumah yang lebih miskin.

Suri rumah yang tinggal di tempat kediaman tidak diselenggara dengan baik terdedah kepada risiko kemalangan yang tinggi kerana kekurangan akses kepada keselamatan dan kesihatan.

Masalah elektrik dan kerosakan struktur boleh meningkatkan kadar kemungkinan berlakunya kemalangan.

Justeru, perlindungan kepada suri rumah ini bukan hanya berkenaan jaminan pendapatan se-

masa kemalangan; tetapi juga, atas inisiatif dan kesedaran pencegahan.


Sehubungan itu, saya percaya SKSSR PERKESO adalah peluang terbaik buat suri rumah mendapatkan akses kepada perlindungan sosial demi menjamin kesejahteraan hidup, selain memberikan pengiktirafan atas sumbangan mereka.

Untuk menjamin persekitaran masyarakat yang saksama dan adil, adalah penting untuk lebih ramai suri rumah mengambil peluang mendaftar di bawah skim ini.

Dengan menggalakkan pendaftaran SKSSR, secara tidak langsung ia juga dapat menjamin kesejahteraan hidup golongan suri rumah, seterusnya membantu institusi keluarga dalam menghadapi kejutan pendapatan, sekiranya terjadi pada masa hadapan.

Marilah kita bersatu dalam meningkatkan kesedaran dan membina sebuah masyarakat yang cakna ke arah melindungi golongan suri rumah yang memainkan peranan tidak ternilai ini.

Oleh Dr Mohammed
Azman Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan PERKESO



TAJUK : TUMBUK DUA ANAK SELEPAS BERTENGGAR DENGAN ISTERI

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tumbuk dua anak selepas bertengkar dengan isteri

Kuala Lumpur: Seorang penunda kenderaan tergamak menumbuk dan menampar dua anaknya, masing-masing berusia 11 tahun dan tiga tahun ketika bertengkar dengan isteri.

Kejadian jam 11.47 pagi Rabu di kediaman mereka di Taman Cheras Indah, dekat sini, selepas isteri suspek meminta semula pasport miliknya serta anak-anak, menyebabkan lelaki itu berang.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata ketika bertengkar dengan isterinya, suspek didakwa menumbuk muka anak perempuan mereka berusia 11 tahun sebanyak dua kali.

Terdahulu pada Ahad minggu lalu, katanya, lelaki berkenaan juga didakwa menampar muka anak lakinya berusia tiga tahun dengan kuat sehingga meninggalkan kesan lebam.

"Pertengkaran tercetus apabila isteri suspek bertanyakan pasport miliknya dan anak-anak, juga bertanya siapa pemilik sepasang kasut di pejabat suspek," katanya

dalam kenyataan, semalam.

Mohd Azam berkata, mangsa turut diugut suspek apabila memberitahu mahu membuat laporan polis atas perbuatannya itu.

Berikutan aduan yang diterima daripada isteri suspek yang juga suri rumah berusia 37 tahun, lelaki berkenaan ditahan di Kampung Ampang, Ampang Jaya, pada jam 6.45 petang Jumaat.

"Suspek lelaki tempatan berusia 40 tahun, pekerja penunda kenderaan. Semakan mendapati suspek tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah dan dadah. Ujian saringan air kecing ke atasnya juga didapati negatif

dadah," katanya.

Mohd Azam berkata, dua anak mangsa kini berada di Wad Pedia-trik Hospital Ampang untuk rawatan dan pemantauan lanjut.

"Mangsa tiga tahun cedera kemerahan pada pipi kiri, manakala kakaknya lebam pada mata kiri. Suspek direman tujuh hari hingga 7 Julai ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001," katanya



Mohd Azam Ismail



TAJUK : WANITA JADI KELDAI AKAUN DIDENDA RM2,500

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita jadi keldai akaun didenda RM2,500

Muar: Tindakan seorang jurujual yang menggunakan akaun bank miliknya untuk mendapatkan wang secara menipu sebagai 'keldai akaun' mengundang padah apabila dia denda RM2,500 oleh Mahkamah Majistret, di sini semalam.

Nuralisa Rahayu Zulkifli yang berasal dari Pahang, dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah di hadapan Majistret Analia Kamaruddin sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah.

Dia juga boleh dikenakan hukuman penjara empat bulan jika

gagal membayar denda dikenakan.

Tertuduh didakwa menjadi 'keldai akaun' apabila memperoleh wang RM21,000 daripada seorang lelaki berusia 25 tahun untuk mendapatkan pinjaman peribadi yang tidak wujud.

Mangsa dikatakan tertarik dengan satu iklan di Facebook mengenai pinjaman peribadi, sebelum diberikan pautan untuk memohon pinjaman RM30,000.

Pengadu kemudian diminta membuat transaksi dalam talian sebanyak RM27,000 ke dalam

akaun seorang lelaki bernama Lokman Awang, serta satu lagi akaun atas nama tertuduh berjumlah RM21,000.

Pada 20 hingga 23 Mac lalu, pengadu tidak menerima wang pinjaman seperti dijanjikan, malah turut diminta memasukkan lagi RM10,000 untuk memproses pinjaman tidak wujud.


Hairan dengan keadaan itu, pengadu yang terpaksa menanggung kerugian keseluruhan RM38,000 membuat laporan polis.

Semakan pihak bank kemu-

dian mendapati akaun terbabit sah milik tertuduh yang didakwa digunakan untuk membantu 'scammer' menipu orang lain.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang membawa kepada hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Nabihah Mohd Nor, manakala tertuduh diwakili Nor Hafizah Abdullah dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).



TAJUK : BAPA KORBAN KERJA BERI SEPENUH TUMPUAN UNTUK ANAK SYURGA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Bapa korban kerja beri sepenuh tumpuan untuk anak syurga

Bentong: Seorang bapa sanggup berhenti kerja bagi memberi tumpuan penuh menguruskan anak syurga.

Talib Kurso, 66, mengambil keputusan bersara daripada anggota tentera demi memberi tumpuan kepada anak yang mengalami masalah sindrom Down.

"Saya bersara awal kerana anak sulung, Rosaida Talib, 35, sangat memerlukan penjagaan rapi.

"Boleh dikatakan ketika dia masih bayi, keadaannya sangat 'rapuh' dan kritikal serta kerap diserang sawan sehingga isteri, Rugayah Rahim, 58, tidak mampu menguruskan sendirian.

"Tambah pula sebagai tentera memerlukan saya bertugas selama berbulan-bulan di perbatasan mendorong saya meninggalkan kerjaya demi menjaga anak," katanya ketika penyerahan sumbangan daging korban dan Kotak Re-



HUSIN (dua dari kanan) dan Muaz (kanan) menyerahkan sumbangan kepada Talib.

zeki Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) Korban 2023 bersama EZ Qurban.

Talib berkata, anaknya adalah orang kurang upaya (OKU) terlantar dan memerlukan bantuan sepe-

nuhnya.

"Cabaran OKU terlantar ialah semua benda termasuk perkara asas seperti makan dan mandi bergantung kepada ibu bapa atau penjaga.

"Semua itu perlu kudrat

kerana usia anak saya mencecah 30-an dan saya sudah melewati usia 60 tahun.

"Saya yang perlu angkat dan mandikan anak kerana isteri tidak mampu melakukannya terutama selepas anak diserang sawan.



Dia 'lembik' terus dan itu lebih rumit kerana berat anak bertambah. Tetapi saya reda dengan ketentuan Allah dan bersyukur masih ada pihak prihatin dan menyalurkan bantuan"

Talib

"Dia 'lembik' terus dan itu lebih rumit kerana berat anak bertambah. Tetapi saya reda dengan ketentuan Allah dan bersyukur masih ada pihak prihatin dan menyalurkan bantuan," katanya.

Dia berkata, bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diguna-


kan sepenuhnya untuk keperluan anak.

"Saya bimbang keperluan anak istimewa ini. Saya tiada pendapatan tetap kerana hilang pekerjaan selepas bersara pada usia 63 tahun.

"Saya harap masih ada pihak boleh bantu kerana saya masih sihat dan mampu bekerja demi memberi kesesuaian kepada anak," katanya.

Sesi penyerahan sumbangan daging korban dan Kotak Rezeki Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) Korban 2023 bersama EZ Qurban disampaikan Pengarang Kumpulan Pengarang Kumpulan Harian Metro, Husin Jahit dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Ez Prihatin, Muaz Abdullah.

Ia sebahagian daripada program TKHM Korban yang diadakan di sekitar Bentong sempena Aidiladha.



TAJUK : DUA JASAD TERAPUNG

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

lokal



MAYAT mangsa lemas dibawa ke Hospital Tumpat untuk proses bedah siasat.

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

TRAGEDI ENJIN BOT MATI MENGEJUT

Tumpat

“**D**oa kami akhirnya termakbul apabila pagi ini (semalam) mereka berdua ditemukan terapung di permukaan sungai,” kata Afendi Ismail, 43, yang kehilangan satu-satunya anak lelakinya, Amrullah Fitri, 10, yang ditemukan lemas selepas terjatuh bot di Sungai Kelantan bersama bapa saudaranya.

Amrullah Fitri ditemukan pada jam 8.15 pagi dalam jarak 900 meter dari pusat kawalan tempat kejadian (PKTK) manakala Wan Muhamad Najmi Wan Taib, 30, pula di bawah jambatan Sultan Yahya Petra, tidak jauh dari mangsa pertama dijumpai.

Afendi ketika ditemui meluahkan rasa syukur atas penemuan anak lelaki dan adik iparnya itu selepas tiga hari hilang selepas jatuh ke dalam Sungai Kelantan di Kampung Pasir Pekan Hulu dekat sini.

“Sejak kehilangan mereka berdua, kami tidak berhenti buat solat hajat. Keluarga, penduduk kampung serta pelajar, guru sekolah anak semua turut sama-sama buat.

“Laungan azan ju-

Dua jasad terapung

ga sentiasa dibuat di tebing sungai dengan harapan Abang Ngah (Amrullah) dan Najmi ditemukan walau dalam apa jua keadaan.

“Akhirnya doa kami termakbul apabila pagi ini mereka berdua ditemukan selepas kelihatan terapung di permukaan sungai dalam jarak yang tidak jauh antara satu sama lain.

“Kami reda menerima takdir ini, walau ditemukan dalam keadaan tidak bernyawa, sekurang-kurangnya mereka berdua ada pusara,” katanya semalam.

“**Kami reda menerima takdir ini, walau ditemukan dalam keadaan tidak bernyawa**”
Afendi

Afendi berkata, dia dan isteri, Wan Norhasliza Wan Taib, 41, reda dengan kehilangan satu-satunya anak lelaki mereka dan jenazah disemadikan di Tanah Peruburan Islam Kampung Paket, Kadok, Kota Bharu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tumpat, Asisten Komisyoner Amran Dolah berkata, jasad kedua-dua mangsa terapung sebelum diselamatkan pihak berkuasa.

“Mayat kanak-kanak le-

laki ditemui di tebing sungai manakala bapa saudaranya pula di tengah sungai iaitu bawah jambatan dengan jarak kira-kira 1.1 kilometer dari PKTK.

“Kedua-dua mangsa dibawa ke Hospital Tumpat untuk proses bedah siasat dan misi mencari dan menyelamatkan ditamatkan,” katanya semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.45 petang, Jumaat lalu, enjin bot yang dinaiki sepasang suami isteri, Nor Awadah Sulong, 30, dan Wan Mu-

Nor Awadah ditemukan lemas manakala suami dan anak saudaranya masih hilang dan anak perempuannya pula selamat.

Jenazah Nor Awadah dikuburkan di Tanah Peruburan Islam Kampung Kutun Sungai, petang kelmarin manakala Najmi juga akan disemadikan bersebelahan pusara isterinya.



MAYAT Amrullah Fitri ditemukan pada jam 8.15 pagi dalam jarak 900 meter dari PKTK.

AFENDI memeluk ahli keluarga selepas Amrullah Fitri dan Wan Muhamad Najmi ditemui. Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



TAJUK : **KAU TETAP PERMATAKU**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **03 JUL 2023**

M/SURAT : **13**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Puchong

Tidak seperti kanak-kanak lain, Ikhwan Yunus Mohd Ridzuan membesar dengan masalah tumbesaran disebabkan Achondroplasia iaitu penyakit berkaitan gangguan pertumbuhan tulang atau kerdil.

Bagaimanapun, Ikhwan Yunus, 8, tetap menjadi buah hati ibu, Esah Mohamad@Wong Chin Ken, 41, dan bapanya, Mohd Ridzuan Ali, 39.

Lantaran keunikannya, Ikhwan turut mendapat perhatian netizen selepas ibunya kerap berkongsi videonya di Facebook (FB) dan TikTok.

Bercerita lanjut, Esah yang menetap di Kampung Sri Aman di sini berkata, Ikhwan adalah anak bongsu daripada tiga beradik dan satu-satunya yang dilahirkan kerdil.

"Saya diberitahu doktor mengenai keadaan Ikhwan ketika kandungan berusia 34 minggu hasil ujian imbasan sinar-X.

"Doktor kata ia terjadi begitu kerana tulangnya pendek dan memang saya terkejut kerana tiada dalam kalangan ahli keluarga saya mahupun suami yang kerdil.

"Bagaimanapun, sudah takdirnya begitu jadi nak

Kau tetap permataku

Pasangan terima ketentuan takdir anak bongsu dilahirkan kerdil

atau tidak, saya perlu lahai ujian ini" katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Esah berkata, penerimaan orang sekeliling bercampur baur namun lebih ramai yang positif berbanding negatif.

Jauh di sudut hati, Esah mengakui tersinggung dengan kata-kata negatif dilemparkan segelintir individu namun cuba untuk mengabaikannya.

"Habis tempoh berpan-tang, baru saya beritahu keluarga keadaan Ikhwan.

"Waktu itu, ada yang cakap anak saya dilahirkan begitu kerana terkenan, kata Ikhwan tak boleh berjalan, kaki pendek dan macam-macam lagi.

"Sakit sangat hingga saya jadi patah semangat, namun suami, keluarga terdekat dan rakan beri semangat.

"Saya juga cuba pujuk hati untuk berdamai dengan takdir dan



syukur dapat terima Ikhwan seadanya," katanya.

Menurutnya, sejak kecil lagi dia sudah beritahu Ikhwan keadaannya yang tidak sama seperti insan lain.

"Saya beritahu

dia adik comel dan istimewa malah terus terang mengenai keadaannya kerana mahu dia bersedia.

"Cuma, apabila masuk sekolah, memang ada murid lain yang pandang pelik dan tak kurang juga terlalu jujur apabila bertanya dengan anak saya mengenai keadaannya.

"Situasi begitu yang saya enggan anak hadapi, tetapi adakalanya ia di luar kawalan.

"Apa-apa pun, Ikhwan anak matang walaupun usianya masih muda, malah aktif dan setiap hari dia cuba jadi macam

orang lain dengan berdikari kerana enggan cikgu atau rakan di sekolah melayannya seperti insan yang ada kekurangan," katanya.

Esah berkata, tiada apa yang diharapkan melainkan melihat Ikhwan membesar dengan sihat dan diterima baik oleh masyarakat.

"Saya harap penerimaan positif daripada masyarakat, bukan untuk Ikhwan saja, tetapi juga anak orang kurang upaya (OKU) yang lain.

"Disebabkan itu, saya beranikan diri kongsi mengenai Ikhwan di laman sosial bermula di FB kemudian TikTok sejak lima tahun lalu.


"Bukan kerana nak raih simpati atau kejar populariti, tetapi didik masyarakat bahawa di dunia ini ada anak istimewa seperti Ikhwan kerana ramai juga kurang kesedaran mengenainya," katanya.

“Doktor kata ia terjadi begitu kerana tulangnya pendek”
Esah



IKHWAN bersama ibunya, Esah di kediaman mereka di Puchong. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

IKHWAN ceria bersama ibu bapanya.



TAJUK : LELAKI MARAHKAN ISTERI, ANAK DITUMBUK

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki marahkan isteri, anak ditumbuk

Ampang: Marahkan isteri, dua anak jadi mangsa. Itu perbuatan dilakukan seorang bapa yang dipercayai menumbuk dan menampar dua anak berusia tiga serta 11 tahun selepas isteri meminta pasport.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail

berkata, pihaknya menerima laporan daripada wanita berusia 37 tahun itu pada Rabu lalu.

Beliau berkata, suri rumah itu mendakwa berlaku perselisihan faham dengan suaminya berumur 40 tahun semasa berada di rumah di Taman Cheras Indah di sini, jam 11.45 pagi.



TAJUK : MAUT DITIKAM BEKAS SUAMI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 02

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Maut ditikam bekas suami

Suspek lelaki berusia 51 tahun parah di perut dikejarkan ke hospital untuk rawatan lanjut

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my



Saya terkejut dengan kejadian itu kerana mendapati seorang wanita maut dipercayai ditikam bekas suaminya"

Saksi

Kejadian kira-kira jam 4 pagi itu, mangsa yang berusia 42 tahun maut di lokasi kejadian manakala bekas suaminya turut mengalami kecederaan parah di bahagian perut dipercayai menikam diri sendiri.

Lelaki berusia 51 tahun berkenaan dikejarkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini, untuk rawatan.

Seorang saksi yang enggan dikenali berusia 30-an, berkata dia menyedari kejadian itu selepas dihubungi rakannya yang memaklumkan insiden berkenaan.

Katanya, dia bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati ambulans dan kereta polis sudah berada di hadapan rumah berkenaan.

"Saya terkejut dengan kejadian itu kerana mendapati

seorang wanita maut dipercayai ditikam bekas suaminya. Malah, lelaki itu turut mengalami kecederaan parah.

"Saya dan jiran lain tidak menyangka kerana kejadian berkenaan menyebabkan mangsa meninggal dunia," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di sini, semalam.

Difahamkan mangsa su-

dah berpisah dengan suaminya dan menyewa di rumah itu sejak beberapa bulan lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Kota Bharu

Seorang wanita yang juga peniaga air balang maut dipercayai ditikam bekas suaminya dalam kejadian di Taman Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh di sini, pagi semalam.

Mangsa baru menyewa selama dua bulan

Kota Bharu: Jiran menyifatkan mangsa yang maut dipercayai ditikam oleh bekas suaminya seorang peramah, namun tidak mengenalinya secara dekat berikutan wanita itu baru menyewa selama dua bulan di perumahan Taman Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh di sini.

Dalam kejadian jam 4 pagi itu, mangsa berusia 42 tahun, maut disyaki ditikam bekas suaminya berusia 51 tahun yang juga cedera parah dipercayai menikam perutnya sendiri.

Jiran mangsa berkata, mangsa baru dua bulan menyewa di situ bersama anak saudara perempuan.

Katanya, mangsa hanya tinggal berdua dengan anak saudaranya.

"Mangsa peramah, sering menegur jika saya melalui hadapan rumah sewanya, namun tidak sempat berkenalan dengannya berikutan wanita itu menjual air balang dari pagi hingga petang dan saya juga bekerja.

"Namun, saya terkejut apabila mengetahui mangsa maut dipercayai ditikam bekas suaminya," katanya.



LOKASI seorang wanita yang maut dipercayai ditikam bekas suaminya kejadian di Taman Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh, Kota Bharu.

'Nak pakai baju putih balik rumah ibu'

Kota Bharu: Wanita yang maut disyaki ditikam bekas suami ada memberitahu keluarga bahawa mahu pulang ke rumah ibunya di Kampung Apal, Besut, Terengganu dengan memakai baju warna putih.

Dalam kejadian 4 pagi semalam, mangsa dikenali sebagai Rokiah Ayub, 42, maut di lokasi kejadian di sebuah rumah di Taman Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh, di sini, dipercayai ditikam bekas suaminya.

Kakak mangsa berkata,

Jumaat lalu, adiknya pulang ke kampung menghadiri majlis kenduri.

Katanya, adiknya yang juga anak bongsu daripada tiga beradik memaklumkan bahawa dia akan memakai baju putih apabila pulang ke kampung di Besut, Terengganu selepas ini.

"Saya tidak sangka hasratnya mahu pulang memakai baju putih adalah petanda terakhir adik akan meninggalkan kami.

"Adik juga bersungguh-sungguh mengajak sa-

ya untuk bergambar kenangan apabila kami sepakat memakai baju warna hijau pada hari itu. Sebelum itu, adik menghadiri kenduri di kampung kami," katanya.

Menurutnya, adiknya itu juga memberitahu tidak mahu bergambar dengannya lagi selepas ini.

"Rupanya itu semua petanda terakhir adik akan pergi meninggalkan kami. Kami sekeluarga sedih dengan kejadian ini dan tidak menyangka ia terjadi kepada adik," katanya.

Ada 13 kesan cedera pada tubuh wanita

Kota Bharu: Seorang wanita berusia 42 tahun maut disyaki ditikam bekas suaminya di sebuah rumah sewa di Taman Desa Darulnaim di sini, awal pagi, semalam.

Ketua Polis Kelantan Datuk Muhamad Zaki Harun berkata mangsa adalah ibu tunggal kepada tiga anak berusia antara 14 hingga 24 tahun.

Beliau berkata siasatan awal polis mendapati terdapat 13 kesan kecederaan pada tubuh mangsa dan kejadian dikatakan berlaku sekitar 3 pagi.

"Siasatan awal mendapati suspek adalah bekas suami kedua mangsa dan berpisah sejak enam tahun lalu.

"Mangsa sebelum itu pernah berkahwin dan dikurniakan tiga anak (dengan suami pertama)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Muhamad Zaki berkata motif awal kejadian dipercayai akibat cemburu kerana mangsa dikatakan mempunyai teman lelaki

dan suspek ingin mengajak mangsa kembali kepadanya.


Beliau berkata berdasarkan keterangan saksi, wanita itu dikatakan bertengkar dengan suspek di dalam bilik di rumah itu sebelum mendengar jeritannya.

"Selepas jeritan, mangsa dilihat keluar dari bilik dalam keadaan belumur darah sebelum rebah di ruang tamu.

"Suspek yang berusia 51 tahun kemudian berjaya ditahan tidak jauh dari rumah itu selepas polis menerima laporan daripada anak saudara mangsa yang tinggal bersama," katanya.

Menurut Muhamad Zaki polis merampas pisau pemotong sayur yang dipercayai digunakan dalam kejadian itu.

Katanya polis mendapatkan perintah reman terhadap suspek semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.



TAJUK :	BODIES OF MAN, NEPHEW WHO FALL OFF BOAT FOUND		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	03 JUL 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

SUNGAI KELANTAN

Bodies of man, nephew who fall off boat found

TUMPAT: The remains of a 10-year-old boy and his uncle, who had gone missing after falling off their boat in Sungai Kelantan near here on Friday, were discovered yesterday.

Search-and-rescue personnel found the body of Amrullah Fitri Affendi at 7.45am, and his uncle, Wan Muhamad Najmi Wan Taib, 30, was discovered at 9am.

Tumpat police chief Assistant Commissioner Amran Dollah confirmed that the bodies were found near the location where they were reported missing on Friday.

He said the remains had been

sent to a hospital for post-mortem. The incident happened in Sungai Kelantan at Kampung Pasir Pekan at 6.45pm.


The boat was carrying the two victims, along with Wan Najmi's wife, Nor Awadah Sulong, 30, and their 14-month-old toddler, experienced engine failure and shook violently. The victims lost their balance and fell off the boat.

Nor Awadah drowned and her body was recovered shortly after, while her baby was rescued by relatives.

The baby and three victims, along with other relatives, were part of a boat excursion.



Affendi Ismail comforting a relative after the body of his son, Amrullah Fitri Affendi, and brother-in-law Wan Muhamad Najmi Wan Taib were found near Kampung Pasir Pekan, Tumpat, yesterday. PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR



TAJUK : SUPP BAWANG ASSAN REACHES OUT TO FAMILY OF HIT-AND-RUN VICTIM

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SUPP Bawang Assan reaches out to family of hit-and-run victim

SIBU: SUPP Bawang Assan Community and Development Committee has reached out to the family of a teenage girl who was involved in a recent hit-and-run accident.

Committee chairman Kevin Lau said he was informed

of the family's plight by Kapitan Tang Chuo Ging, who is a member of Sibu Life Care Society.

Lau said the teenage girl was hit by a vehicle on her way to school.

"Our team decided to help the


family out.

"We pray the girl will recover soon," he said during his visit to the family's residence at Lorong Langsat 4 here.

Lau added the team is grateful to be able to give the family moral support.



Lau (left) presents some food aid to a family member of the hit-and-run victim.



TAJUK :	TWO CHILDREN AMONG 6 HURT IN TWO-CAR COLLISION		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	03 JUL 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Two children among 6 hurt in two-car collision

SARIKEI: A collision involving two cars at Jalan Kelupu, Bintangor on Saturday left six people injured.

The Fire and Rescue Department (Bomba) in a statement said they received a report on the incident at 5.35pm and immediately sent a team from the Bintangor fire station to the scene.


"Upon arriving, the team reported that the accident involved two cars. Six individuals were injured – two woman (36 and 44), two men (36 and 69), a boy (9), and a girl (10)," it said.

Bomba added that all the injured were sent to hospital for treatment.

The operation ended at 7pm.



A Bomba photo shows rescuers in the process of extricating one of the drivers.



TAJUK : WOMAN KILLED IN CRIME OF PASSION, BELIEVED BY EX-HUSBAND

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Woman killed in crime of passion, believed by ex-husband

KOTA BHARU: A 42-year-old single mother was killed, believed to have been stabbed by her ex-husband in an incident in Taman Desa Darul Naim here early yesterday.

Kelantan police chief Datuk Muhamad Zaki Harun said the police found the victim's body, with 13 injuries, in the living room of a rented house at about 3am.

He said a 51-year-old man had been arrested to facilitate the investigation.

"Preliminary investigation by the police found that the suspect is the victim's second ex-husband. The couple was divorced six years ago," he said when contacted.


The police did not rule out jealousy as the motive for the murder.

He said according to witnesses, an argument was heard between the victim and the suspect, believed to be due to the man suspecting his ex-wife of having relations with

another man.

"The woman was then heard screaming and then came out of a room covered in blood before collapsing in the living room," he said, adding that the victim had three children, aged between 14 and 24 years, from her first marriage.

He said the police had seized a knife, believed to have been used in the killing, and were investigating the case under Section 302 of the Penal Code for murder. — Bernama



TAJUK : BEWARE OF IMPOSTERS, MUMS TOLD

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Beware of imposters, mums told

Unscrupulous men asking for photos and videos on how to nurse child

By **TEH ATHIRA YUSOF**
tehathirayusof@thestar.com.my

PETALING JAYA: Lactation and breastfeeding counsellors in Malaysia have had to face sexual harassment, lewd calls, accusations that their online content was "offensive" and even identity theft.

A lactation counsellor who became the victim of identity theft warned nursing mothers to be careful with whom they share their photos and videos.

Nurun Nadia Masrom, who has been a lactation counsellor for six years, has faced many challenges through the years, but she did not expect identity theft and sexual harassment to be among them.

Lactation counsellors are trained and certified to help breast-

feeding mothers. The Johor-based counsellor told *The Star* that she has not only faced offensive calls or received video calls containing lewd content, but her identity was also used to lure unsuspecting nursing mothers into sharing their images and videos last year.

"When I receive disturbing video calls or videos, I would usually hang up or delete them. But I draw the line when people abuse my identity to prey on unsuspecting mothers," she said.

The straw that broke the camel's back was when unscrupulous people used her identity to ask for photos or videos from mothers who were facing trouble nursing their babies. They did this via the Telegram messaging app and social media platforms that Nurin

Nadia had used to share information on breastfeeding.

"I have advised mothers not to share anything online for their personal safety and my case has proven why I had to warn them. I was really angry because my name and job were on the line, as well as the mothers who had fallen victim. I immediately informed my community of what was happening before it got worse.

"But there are mothers who are desperate and would think that they are talking to me and would share videos of them trying to nurse, and this is what the perpetrators wanted when they used my identity for their own selfish purposes," added the 37 year old who has lodged a police report.

"Since I am a certified lactation

counsellor, I decided to open up a social media channel to help mothers. While my content was not vulgar or offensive, I have been regularly getting lewd calls from men," she said.

After calling out such offensive behaviour on social media, Nurin Nadia also lodged a complaint with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to prevent her fellow counsellors from falling victim.

"From my experience, the calls seem to be from younger men because their voices sounded immature and they called me 'kakak' (elder sister).

"There is a need to have this addressed by the authorities, because the calls will only die down for a while when I make

some noise on social media by sharing their phone numbers and details," she said.

Another lactation counsellor who only wanted to be known as Nurul Suhaila was harassed by men after starting her role as a breastfeeding counsellor two years ago.

"We should not blame mothers for wanting to share content on social media that is educational. Why should we hide this? Some of the comments claim my content is 'explicit' because in some of the videos, I did a few demonstration videos using a soft toy that looks like a breast," she said.

Meanwhile, the MCMC said it will assess the cases based on Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.



TAJUK : CALL TO CUT THE STORY SHORT

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 03 JUL 2023

M/SURAT : 04

tone : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Call to cut the story short

Adoptive father wants closure on summons incident

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

